

Iswaran: Keharmonian kaum, agama asas mutu hidup baik

KEHARMONIAN kaum dan agama adalah asas kejayaan Singapura yang telah membolehkan negara ini mencapai pertumbuhan bermutu dari segi prospek ekonomi, prasarana dan mutu kehidupan yang baik.

Namun, kehidupan rukun damai yang sedang dinikmati kini tidak boleh diambil ringan kerana Singapura menghadapi banyak isu dalam dan luar yang berpotensi mengancam keamanan negara.

Demikian dinyatakan Menteri di Pejabat Perdana Menteri (PMO), Encik S. Iswaran, dalam ucapannya di majlis iftar anjuran Persatuan Alumni Kolej Jamal Mohamed (Sayap Singapura) semalam.

Majlis di Masjid Bencoolen itu dihadiri tetamu terdiri daripada penduduk India tempatan dan asing.

Menurut Encik Iswaran, latar belakang undangan yang pelbagai mencerminkan keharmonian hubungan antara kaum dan agama di Singapura.

Namun, beliau berkata keharmonian itu boleh diancam isu-isu di dalam



IFTAR BERSAMA: Encik Iswaran (*berbaju kuning*) menyertai majlis iftar anjuran Persatuan Alumni Kolej Jamal Mohamed (Sayap Singapura) di Masjid Bencoolen semalam. – Foto KHALID BABA

dan luar negara seperti konflik di Syria yang berlarutan sejak 2011.

“Perang Syria yang sedang berteru-

san dan kemudahan akses kepada ideologi keganasan dalam talian sedang membawa kepada trend indi-

vidu radikal di seluruh dunia.

“Sudah ada laporan mengenai individu radikal di rantau ini yang telah menyertai perang Syria.

“Penggunaan manipulatif Internet dan media sosial untuk mempromosikan perang Syria dan ideologi keganasan adalah cabaran besar buat kita,” kata Encik Iswaran.

Beliau manambah, ramai generasi muda meluangkan masa dan mengumpul maklumat daripada media sosial.

Oleh itu, penting golongan muda dididik tentang penyalahgunaan media sosial oleh pelampau dan ideologi song-sang yang mereka sampaikan.

Encik Iswaran berkata masyarakat memainkan peranan penting dalam membimbing golongan muda dengan menyediakan asas dan saluran sokongan untuk mereka tuju.

Beliau juga berkata Persatuan Alumni Kolej Jamal Mohamed, yang menawarkan khidmat masyarakat berasaskan pendidikan, boleh membimbing golongan muda dengan menyampaikan nilai-nilai betul kepada mereka.